

# 'DBKL perlu tegas'

**P**UTRAJAYA: Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil tindakan lebih tegas jika serius mahu membersihkan imej Lorong Haji Taib di Kuala Lumpur daripada terus dikenali sebagai sarang maksiat.

Katanya, langkah itu perlu kerana polis tidak ada kuasa untuk menutup dan menyita premis di Lorong Haji Taib yang sering digunakan untuk kegiatan maksiat.

"Polis hanya boleh menangkap mereka yang terbabit dengan kegiatan maksiat, namun untuk menjaga kawasan Lorong Haji Taib agar sentiasa bersih, olehnya berkuasa tempatan (PBT) perlu bertindak tegas."

"Ini kerana PBT mempunyai kuasa menutup dan menutup premis yang menjadi pusat kegiatan tidak bermoral. Jika PBT bersikap tegas,

tempat terbaik (Lorong Haji Taib) tidak akan menjadi sangat maksiat lagi. Katanya ketika ditanya pemerkataan selegas menganugerahkan naikan pangkat secara medan kepada Cip Inspektor Ang Weai Leong di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya di sini, semalam.

Ang, 31, dari Butterworth, Pulau Pinang, dinaikkan pangkat ke Pemangku Asisten Superintendant berikutan pengorbanan dan keberaniannya menumpaskan satu sindiket mencuri kenderaan mewah di sebuah kondominium di Sungai Long, Kajang, tahun lalu.

Dalam operasi itu, Ang bersama enam anggota Bahagian Siasatan Jenayah (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, ditugaskan merisik, mengesan dan menangkap sindiket mencuri kereta mewah dikenali Geng Ah Tok dianggotai dua lelaki dan seorang wanita.